

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KESELAMATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN
PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum				
Gred KP41	:	P1	RM1911.59	-	RM5470.09
		P2	RM2018.51	-	RM5784.53
		P3	RM2130.15	-	RM6125.87

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM1911.59); atau

- (iv) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM2116.00); atau

- (v) Bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik ;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM1911.59);

- (b) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (bagi lelaki);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.